



# **FAKTOR PENGARUH BAGI STRES DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) MENGIKUT KATEGORI PENDAPATAN KELUARGA**



**SITI FADZLIYANA BINTI ZABIDIN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**





# **FAKTOR PENGARUH BAGI STRES DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) MENGIKUT KATEGORI PENDAPATAN KELUARGA**

**SITI FADZLIYANA BINTI ZABIDIN**



**LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAN INI BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMENUHI IJAZAH  
SARJANA MUDA EKONOMI (KEWANGAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**





## PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh :

Nama pelajar: **SITI FADZLIYANA BINTI ZABIDIN**

No matrik : **D20181081875**



---

Tandatangan





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan segala pujian hanya bagi-Nya. Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah dan izinnya, dapatlah saya menyelesaikan disertasi ilmiah ini dengan jayanya. Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kekuatan yang diberikan membolehkan saya menamatkan pengajian walaupun pelbagai masalah merintang di diri. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang memberi saya peluang untuk menjalankan kajian bagi Kertas Projek Penyelidikan sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi (Kewangan).

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan buat penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Norasibah Binti Abdul Jalil atas tunjuk ajar dan ilmu yang dicurahkan hingga membolehkan saya menyiapkan kajian ini. Jasa Profesor Madya Dr. Norasibah Binti Abdul Jalil pasti dikenang selagi hayat dikandung badan. Semoga dengan ilmu yang dicurahkan kepada saya akan memberkati kehidupan Profesor Madya Dr. Norasibah Binti Abdul Jalil sekeluarga serta dirahmati Allah s.w.t. Insyaallah dengan ilmu yang telah diberikan akan saya manfaatkan dalam kehidupan dan kerjaya saya.

Jutaan terima kasih juga kepada responden kerana telah memberi kerjasama dan maklum balas atas kajian yang saya jalankan. Hal ini kerana, responden atau subjek-subjek kajian saya telah sudi meluangkan masa untuk menjawab borang soal selidik serta menjayakan hasil kajian saya. Kebanyakan daripada responden saya adalah pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sendiri dan juga dari IPTA yang lain juga.

Akhir sekali, kepada insan tercinta dan teristimewa iaitu mak dan ayah saya, terima kasih atas doa dan jasamu. Kejayaan ini turut ditujukan khas buat keluarga dan rakan-rakan yang banyak mendukungi saya dalam pelbagai perkara sama ada dari segi kewangan mahu pun semangat serta atas sokongan moral kepada saya dalam menjalankan kajian ini.





# FAKTOR PENGARUH BAGI STRES DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPTA) MENGIKUT KATEGORI PENDAPATAN KELUARGA

SITI FADZLIYANA BINTI ZABIDIN

2022

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap stres dan faktor pengaruh stres dalam kalangan pelajar mengikut kategori pendapatan keluarga pelajar, yang berbeza dalam dua tempoh berbeza iaitu semasa pembelajaran secara bersemuka (iaitu sebelum pandemik COVID-19) dan semasa pembelajaran secara atas talian (iaitu semasa pandemik COVID-19). Seramai 177 orang pelajar dari pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia mengambil bahagian dalam kajian ini, dan kaedah pemilihan sample adalah telah dipilih berdasarkan persampelan rawak. Data dikumpul melalui pengedaran borang soal selidik berbentuk *google form*. Data yang diperolehi dianalisis melalui ujian deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Soalan yang dibangun menggunakan penskoran skala likert lima mata bagi tujuan pengukuran. Dapatan kajian mendapati tahap stres pelajar dari kesemua kategori pendapatan keluarga adalah di tahap sederhana dalam kedua-dua tempoh yang dibandingkan. Hasil dapatan juga mendapati faktor utama yang mempengaruhi stres pelajar dari kesemua kategori pendapatan keluarga (umum), dalam kedua-dua tempoh yang dikaji, adalah faktor pengajaran dan pembelajaran. Manakala, faktor utama yang mempengaruhi tahap stres bagi pelajar kategori pendapatan keluarga B40 semasa pembelajaran secara bersemuka (sebelum pandemik COVID-19) ialah faktor kewangan. Secara keseluruhan, kesimpulan yang dapat dibuat dari kajian ini adalah, tahap stress pelajar, dari pelbagai kumpulan pendapatan, merekodkan cenderung pada tahap yang sama iaitu Sederhana. Walaubagaimanapun, apabila kajian di fokuskan pada kumpulan pendapatan tertentu, keputusan mendapati terdapat tahap stres direkodkan lebih tinggi dalam kalangan pelajar kumpulan pendapatan B40, semasa pdp dijalankan secara fizikal dikampus. Sebagai implikasi, kerajaan perlu meneliti semula bentuk serta jumlah bantuan kewangan yang diberi, agar pelajar kumpulan B40 merasa tenang dalam mengharungi tempoh pembelajaran terutamanya pdp secara fizikal.





# **FAKTOR PENGARUH BAGI STRES DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPTA) MENGIKUT KATEGORI PENDAPATAN KELUARGA**

**SITI FADZLIYANA BINTI ZABIDIN**

**2022**

## **ABSTRACT**

This study aims to identify the level of stress and stress influencing factors among university students based on family's income category, in two different periods; namely during face-to-face learning (ie before the COVID-19 pandemic) and during online learning (ie during the COVID-19 pandemic). A total of 177 students from various Public Higher Education Institutions (IPTA) in Malaysia participated in this study, and the sample selection method was based on random sampling. Data was collected through the distribution of questionnaires in google form format. The data obtained were analysed through descriptive tests using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software. The questions were developed used a five -point Likert scale scoring for measurement purposes. The findings of the study found that the level of stress of students from all family income categories was at a moderate level in the two periods compared. The results also found that the main factors influencing the level of stress of students from all family income categories (in general); and also in both periods studied are; teaching and learning factors. Meanwhile, the main factors influencing the level of stress for the B40 family income category students during learning face-to-face (before the COVID-19 pandemic) was a financial factor. Overall, the conclusion that can be drawn from this study is that, the stress levels of university students, from various income groups, record the same level of stress which is at Moderate level. However, when the study focused on a specific income group, the results found there were higher levels of stress among students of the B40 income group, or while TnL was conducted physically on campus. As an implication, the government needs to re -examine the form and amount of financial assistance given, so that students in the B40 group feel calm in going through the learning period, especially pdp physically.





## SENARAI KANDUNGAN

|                                      |             |
|--------------------------------------|-------------|
| <b>TAJUK MUKA SURAT .....</b>        | <b>i</b>    |
| <b>PENGAKUAN PENYELIDIK .....</b>    | <b>ii</b>   |
| <b>PENGHARGAAN.....</b>              | <b>iii</b>  |
| <b>ABSTRAK .....</b>                 | <b>iv-v</b> |
| <b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>       | <b>vi</b>   |
| <b>SENARAI JADUAL .....</b>          | <b>viii</b> |
| <b>SENARAI RAJAH .....</b>           | <b>ix</b>   |
| <b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN.....</b> | <b>x</b>    |

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

|                                     |       |
|-------------------------------------|-------|
| 1.1 Pengenalan.....                 | 1-2   |
| 1.2 Latar Belakang Kajian.....      | 3-4   |
| 1.3 Pernyataan Masalah.....         | 5-6   |
| 1.4 Objektif Kajian.....            | 7     |
| 1.5 Persoalan Kajian.....           | 7     |
| 1.6 Kerangka Konseptual Kajian..... | 8     |
| 1.7 Definisi Operasional.....       | 8-1   |
| 1.8 Batasan Kajian.....             | 11-13 |
| 1.9 Kepentingan Kajian.....         | 13-14 |
| 1.10 Rumusan.....                   | 15    |

### BAB 2

#### TINJAUAN LITERATUR

|                           |       |
|---------------------------|-------|
| 2.1 Pengenalan.....       | 16    |
| 2.2 Kajian Lampau.....    | 16-22 |
| 2.3 Konsep dan Teori..... | 22-27 |
| 2.4 Rumusan.....          | 27    |



## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

|                                    |       |
|------------------------------------|-------|
| 3.1 Pengenalan.....                | 28    |
| 3.2 Pendekatan Kajian.....         | 28-29 |
| 3.3 Populasi dan Sampel.....       | 30-31 |
| 3.4 Instrumen Kajian.....          | 31-35 |
| 3.5 Prosedur Pengumpulan Data..... | 36    |
| 3.6 Teknik Menganalisis Data.....  | 37    |
| 3.7 Rumusan.....                   | 38    |

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

|                         |       |
|-------------------------|-------|
| 4.1 Pengenalan.....     | 39    |
| 4.2 Dapatan Kajian..... | 40-70 |
| 4.3 Rumusan.....        | 71    |

## **BAB 5**

### **RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

|                           |       |
|---------------------------|-------|
| 5.1 Pengenalan.....       | 72    |
| 5.2 Perbincangan.....     | 73-81 |
| 5.3 Sumbangan Kajian..... | 81-83 |
| 5.4 Impak Kajian.....     | 83-84 |
| 5.5 Cadangan Kajian.....  | 85-86 |

|                     |              |
|---------------------|--------------|
| <b>RUJUKAN.....</b> | <b>87-89</b> |
|---------------------|--------------|

|                      |               |
|----------------------|---------------|
| <b>LAMPIRAN.....</b> | <b>91-119</b> |
|----------------------|---------------|



## SENARAI JADUAL

### Muka Surat

|                                                                        |    |
|------------------------------------------------------------------------|----|
| Jadual 3.1: Bahagian-Bahagian Borang Soal Selidik.....                 | 33 |
| Jadual 3.2: Penskoran Skala Likert.....                                | 35 |
| Jadual 3.3: Pengkelasan Nilai Min.....                                 | 38 |
| Jadual 4.1 : Latar Belakang Sosial Responden.....                      | 42 |
| Jadual 4.2: Latar Belakang Akademik Responden.....                     | 45 |
| Jadual 4.3: Andakah Responden Menghadapi Stres.....                    | 47 |
| Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19                                   |    |
| Jadual 4.4 : Tahap Stres Pelajar B40.....                              | 49 |
| Jadual 4.5: Faktor Stres Pelajar B40 (Sebelum Pandemik COVID-19) ..... | 52 |
| Jadual 4.6: Faktor Stres Pelajar B40 (Semasa Pandemik COVID-19).....   | 55 |
| Jadual 4.7 : Tahap Stres Pelajar M40.....                              | 57 |
| Jadual 4.8: Faktor Stres Pelajar M40 (Sebelum Pandemik COVID-19).....  | 60 |
| Jadual 4.9: Faktor Stres Pelajar M40 (Semasa Pandemik COVID-19).....   | 63 |
| Jadual 4.10: Tahap Stres Pelajar T20.....                              | 65 |
| Jadual 4.11: Faktor Stres Pelajar T20 (Sebelum Pandemik COVID-19)..... | 68 |
| Jadual 4.12: Faktor Stres Pelajar T20 (Semasa Pandemik COVID-19).....  | 71 |





## SENARAI RAJAH

### Muka Surat

|                                                              |    |
|--------------------------------------------------------------|----|
| Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian                        | 8  |
| Rajah 2.1: Model Tindak Balas Sindrom Penyesuaian Umum (GAS) | 25 |





## SENARAI SIMBOL/ISTILAH

Y = Jumlah Pendapatan Keluarga

> = lebih besar atau tinggi

< = lebih kecil atau kurang

N = Jumlah Responden

SR = Sangat Rendah

R = Rendah

S = Sederhana

T = Tinggi

ST = Sangat Tinggi

S.P = Sisiham Piawai

B40 = Golongan pendapatan keluarga rendah iaitu lebih rendah dari RM4630

M40 = Golongan pendapatan keluarga sederhana iaitu dari RM4360 hingga ke RM9619

T20 = Golongan pendapatan keluarga tinggi iaitu RM9619 dan keatas

IPTA = Institusi Pengajian Tinggi Awam

UPSI = Universiti Pendidikan Sultan Idris Universiti Malaysia Sarawak

UITM = Universiti Teknologi Mara

UPM = Universiti Putra Malaysia

UNIZSA = Universiti Sultan Zainal Abidin

UMK = Universiti Malaysia Kelantan

UNIMAP = Universiti Malaysia Perlis

USIM = Universiti Sains Islam Malaysia

UUM = Universiti Utara Malaysia

UMT = Universiti Malaysia Terengganu

UTHM - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

COVID-19 = Coronavirus

SPSS = Statistical Package for Social Sciences





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN



Stres didefinisikan sebagai sesuatu atau keadaan resah, cemas, tegang, and lain-lain simptom yang disebabkan daripada tekanan secara mental atau fizikal (Kamus Dewan, 2005). Selain itu juga, stres merupakan tindak balas badan untuk satu perubahan yang memerlukan penyesuaian emosi, fizikal, atau mental. Stres adalah sebahagian daripada kehidupan manusia serta dapat mendatangkan kesan negatif dan kesan positif. Selain itu juga, stres yang terlalu banyak akan menyebabkan kemurungan dan penyakit fizikal yang lebih berbahaya kepada diri individu tersebut. Vanden Bos (2015) menyatakan bahawa stres merupakan suatu rangsangan yang keterlaluan terhadap emosi sehingga mengganggu keseimbangan pemikiran dan kelakuan seseorang yang akhirnya menghasilkan tindak balas yang positif (*eustres*) atau negatif (*distres*). *Eustres* adalah sihat untuk manusia kerana ia memberi motivasi dan keseronokan dalam hidup. *Distres* pula membawa maksud sesuatu yang amat meletihkan dan mencipta satu keadaan kebimbangan yang berada dalam diri. Terdapat tiga punca-punca utama stres secara umum iaitu tekanan dari segi psikososial, bilogikal dan personaliti. Kebijaksanaan dan kemampuan seseorang dalam menguruskan stres dengan baik adalah penting supaya stres dapat dikawal. Oleh itu, adalah penting untuk seseorang pelajar mengetahui punca stres yang dihadapi kerana ini dapat membantu mereka dalam menguruskan kehidupan seharian.





05- Tambahan pula, stres sememangnya menjadi topik yang kerap dibincangkan oleh komuniti pelajar serta masyarakat. Universiti merupakan satu persekitaran yang sering kali dikaitkan dengan isu stres oleh pelajar Universiti. Terdapat pelbagai faktor yang dilihat boleh menjadi faktor penyumbang kepada stres pelajar. Antaranya pelajar yang dari golongan keluarga berpendapatan yang rendah seringkali menghadapi stres oleh disebabkan faktor kewangan. Namun begitu, menurut kajian lampau oleh (Rubayah et al., 2015), mendapati secara puratanya tahap literasi kewangan oleh kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Selain itu, faktor pengajaran pembelajaran dan faktor sosial juga boleh menyebabkan stres iaitu situasi pembelajaran terutamanya apabila menjalankan tugas secara berkumpulan ataupun projek secara berkumpulan atau lingkungan sosial yang kurang memuaskan. Ditambah pula, dengan bebanan kerja atau tugas yang banyak yang diberikan oleh pensyarah. Dengan adanya tugas yang terlampau banyak dapat menyebabkan pelajar universiti mengalami stres, sebagai contoh dengan pertambahan kerja dalam sesuatu kursus atau subjek yang diambil oleh pelajar. Akhir sekali, faktor kesihatan fizikal dan faktor prasarana dan persekitaran tempat belajar juga boleh menyebabkan stres seperti demam, batuk dan sebagainya serta prasarana dan persekitaran tempat belajar yang kurang kondusif.

Dalam situasi Malaysia sekarang ini, semestinya pelajar lebih mengalami stres dengan perubahan yang berlaku pada masa ini iaitu dengan berlakunya pandemik COVID-19 yang telah merubah keadaan dan persekitaran daripada belajar secara bersemuka di kampus sebelum berlakunya pandemik COVID-19 kepada belajar secara atas talian. Hal ini mungkin menyebabkan pelajar kurang selesa dengan persekitaran yang berbeza dari yang sebelumnya.





## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN



Menurut (Awang 2016) menyatakan stres adalah suatu fenomena yang sering menjadi ancaman besar terhadap kesihatan mental. Selain itu, masalah kesihatan mental yang meningkat dalam kalangan pelajar universiti akan memberi impak besar dalam kehidupan mereka (Wenjuan et al. 2020). Oleh itu, kita seharusnya berusaha untuk mengurangkan stres kerana ia berkemungkinan akan memberi kesan buruk kepada individu dan orang lain juga dengan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Fariza (2016) dalam kajiannya telah menerangkan bahawa pengharapan yang tinggi kepada Allah S.W.T akan menghilangkan segala kesusahan atau stres yang dialami. Ini membuktikan bahawa Allah adalah tempat manusia mengadu segala kelemahan dan kesulitan yang dialami dalam kehidupan mereka. Oleh itu, sebagai hamba-Nya hendaklah sentiasa mentaati segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Namun begitu, stres adalah perkara yang biasa dalam kehidupan seseorang kerana tidak seorangpun di dunia ini boleh terlepas dari menghadapi stres.

Dalam mengharungi kehidupan seharian, pelbagai masalah dan rintangan membelenggu fikiran dan jiwa seseorang individu. Sebagai hasil tindak balas terhadap masalah dan rintangan akan menyebabkan individu akan menjadi lebih stres serta dapat membawa kepada masalah kesihatan mental yang lain seperti depresi dan sebagainya. Hal ini juga sering berlaku kepada individu yang terpaksa berhadapan dengan tekanan terutamanya pelajar. Stres boleh menjadi negatif iaitu apabila seseorang individu berhadapan dengan situasi yang tidak menyenangkan serta membebankan mereka. Tetapi dalam masa yang sama stres juga boleh melahirkan tindak balas mendorong yang positif. Tindak balas positif akibat stres boleh mendorong seseorang individu untuk menguji potensi dan mencapainya pada tahap yang maksimum. Stres boleh menjadi diri pelajar





lebih tabah serta kuat dalam menghadapi masalah seperti masalah kewangan mereka dengan menganggap stres sebagai satu cabaran yang boleh meningkatkan keyakinan mereka untuk lebih berjaya dan meningkat kualiti kehidupan keluarga mereka.

Tambahan pula, pelbagai keadaan yang boleh menyebabkan berlaku stres oleh pelajar. Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh pelajar yang mengalami stres ialah mereka tidak tahu cara yang berkesan untuk mengawal stres yang dialami. Oleh itu, penting untuk mengetahui apakah faktor yang menyebabkan diri seseorang mengalami stres. Dalam usaha untuk mengatasi stres yang negatif dalam kehidupan seorang pelajar, pelajar perlu tahu apakah faktor yang menyebabkan stres dialaminya. Terdapat beberapa cara untuk mengesan faktor-faktor ini antaranya kajian selidik yang boleh membantu dalam mengesan faktor stres dalam diri seseorang individu. Tambahan pula, bagi pelajar IPTA di Malaysia yang sedang berdepan dengan pandemik COVID-19 akan berdepan dengan stres kerana berdepan dengan pembelajaran secara atas talian semasa pandemik COVID-19. Oleh itu, adalah amat penting bagi pelajar yang mengalami stres untuk tahu sejauh manakah stres dalam hidupnya mempengaruhi mereka dengan mengenalpasti tahap stres serta faktor yang menyumbang kepada masalah pelajar dari pelbagai jenis kategori pendapatan keluarga mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk mengkaji tahap stres dan faktor penyumbang stres dari item kategori pendapatan keluarga pelajar yang berbeza. Selain itu juga, pengkaji telah mengecilkan skop kajian dengan memilih beberapa faktor stres yang umum iaitu faktor kewangan, faktor pengajaran dan pembelajaran, faktor sosial, faktor kesihatan fizikal, dan faktor prasarana dan persekitaran tempat belajar yang ditumpukan pada dua tempoh berbeza iaitu semasa pembelajaran secara bersemuka sebelum pandemik





COVID-19 dan semasa pembelajaran secara atas talian semasa pandemik COVID-19 yang melibatkan pelajar IPTA di Malaysia.

### 1.3 PENYATAAN MASALAH



Pada masa kini, pandemik COVID-19 menyebabkan aktiviti ekonomi dan sosial tertangguh malah aktiviti-aktiviti ini berukar kaedah daripada fizikal kepada secara atas talian. Virus Covid-19 mula dikesan di Malaysia pada Januari 2020 dan mula merebak dalam masyarakat tempatan pada bulan Mac 2020 (Muhammad Irfan et al., 2020; Azman & Abdullah, 2021). Selain itu, aktiviti pembelajaran dan pengajaran dijalankan secara atas talian berbeza daripada sebelum ini yang menjalankan pembelajaran secara bersemuka. Tambahan pula, pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam juga agak berebza daripada sebelumnya yang tinggal di kolej atau Universiti dan sekarang balik ke kampung halaman masing-masing dan tinggal di rumah bersama keluarga kerana keadaan pandemik COVID-19.

Oleh itu, pelajar berdepan dengan pelbagai masalah kesihatan mental seperti stres. Holmes et al. (2020) mendapati bahawa pandemik COVID-19 telah memberikan kesan terhadap kesihatan mental seseorang seperti masalah stres. Masalah stres yang dialami oleh pelajar sememangnya menjadi isu yang hangat diperkatakan dalam masyarakat serta komuniti. Tambahan pula, dengan keadaan dunia kini yang kurang stabil dan mengalami kemerosotan ekonomi. Pelajar semestinya juga terkesan dengan keadaan pandemik COVID-19 ini. Kebanyakan pelajar masih bergantung kepada pendapatan keluarga mereka. Bagi golongan pelajar yang berpendapatan rendah hal ini dapat menjejaskan





pendapatan pelajar juga. Tambahan pula, ada sesetengah keluarga pelajar yang dibuang serta kehilangan kerja disebabkan oleh pandemik COVID-19. dalam kajian ini akan mengkaji mengenai tahap stres dan faktor penyumbang stres dalam dua tempoh berbeza iaitu semasa pembelajaran secara bersemuka sebelum pandemik COVID-19 dan semasa pembelajaran secara atas talian semasa pandemik COVID-19.

(Gaol, 2016) menyatakan bahawa mahasiswa yang mengalami stres akan menunjukkan penurunan dalam kualiti akademik mereka, tahap kualiti kesihatan menjadi buruk, depresi dan gangguan tidur. Oleh itu, tahap stres pelajar haruslah dipantau serta dikaji bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku. Tahap stres pelajar mungkin juga bergantung kepada jenis kategori pendapatan keluarga mereka. Terdapat tiga kategori pendapatan keluarga di Malaysia secara umum iaitu B40, M40 dan T20. selain itu penting untuk mengetahui faktor yang menyebabkan stres agar masalah stres pelajar dapat diatasi dan dikurangkan. (Ramli & Sheikh Dawood, 2020). menyatakan faktor pengajaran dan pembelajaran, kewangan dan sosial menjadi faktor stres dalam kalangan pelajar. Namun terdapat pelbagai lagi faktor penyumbang kepada stres pelajar. Dalam kajian ini, terdapat beberapa faktor yang dikaji seperti kewangan, pengajaran dan pembelajaran, sosial, kesihatan fizikal, sosial dan prasarana dan persekitaran tempat belajar. Hal yang mempengaruhi tahap stres pelajar juga mungkin bergantung kepada kategori pendapatan keluarga mereka serta keadaan yang berbeza. Dalam konteks kajian ini, apakah faktor yang mempengaruhi stres pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut kategori pendapatan keluarga yang merangkumi dua tempoh yang berbeza iaitu tempoh semasa pembelajaran secara bersemuka sebelum pandemik COVID-19 dan semasa pembelajaran secara atas talian semasa pandemik COVID-19. Dengan demikian, kajian ini mengenalpasti tahap stres dan faktor penyumbang stres dalam kalangan pelajar IPTA dalam dua tempoh iaitu sebelum pandemik COVID-19 dan semasa pandemik COVID-19.





## 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian bagi kajian ini ialah:

**1.4.1** Apakah tahap stres pelajar semasa pembelajaran secara bersemuka (sebelum pandemik COVID-19) dan semasa pembelajaran secara atas talian (semasa pandemik COVID-19) mengikut kategori pendapatan keluarga.

**1.4.2** Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap stres pelajar semasa pembelajaran secara bersemuka (sebelum pandemik COVID-19) dan semasa pembelajaran secara atas talian (semasa pandemik COVID-19) mengikut kategori pendapatan keluarga.



## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berpandukan kepada permasalahan kajian yang dibincangkan di atas, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji faktor yang menyumbang tahap stres pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Secara khusus, kajian ini berusaha untuk memenuhi objektif utama berikut:

**1.5.1** Untuk mengenalpasti tahap stres pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) semasa pembelajaran secara bersemuka (sebelum pandemik COVID-19) dan semasa pembelajaran secara atas talian (semasa pandemik COVID-19) mengikut kategori pendapatan keluarga.


**1.5.2** Untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi stres pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) semasa pembelajaran secara bersemuka (sebelum pandemik COVID-19)



dan semasa pembelajaran secara atas talian (semasa pandemik COVID-19) mengikut kategori pendapatan keluarga.

## 1.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian adalah sebagai panduan dan hala tuju kajian yang menerangkan bentuk kajian secara grafik.



**Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian**

## 1.7 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional adalah definisi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjelaskan kepada responden tentang pembolehubah yang hendak diuji dalam kajian ini. Definisi operasional ini dapat membantu pengkaji untuk menjelaskan idea yang ingin disampaikan kepada responden. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji tentang faktor yang menyumbang kepada tahap stres pelajar IPTA di Malaysia. Oleh itu, pengkaji telah menerangkan empat definisi operasi bagi faktor-faktor stres iaitu kewangan, pengajaran dan pembelajaran, sosial, kesihatan fizikal dan prasarana dan persekitaran. Penjelasan definisi operasi juga melibatkan kategori pendapatan keluarga iaitu B40, M40, dan T20. Selain itu, pengkaji juga menerangkan konsep serta kajian lepas yang berkaitan mengikut kepadanan dan kesesuaian dengan kajian pengkaji.

### 1.7.1 Kategori Pendapatan Keluarga

Terdapat tiga kategori pendapatan keluarga iaitu kategori B40, M40 dan T20. Kategori pendapatan B40 merupakan golongan pendapatan rendah yang berpendapatan kurang daripada RM4,630 sebulan atau  $[Y < \text{RM } 4,630]$ . Seterusnya ialah kategori pendapatan M40 merupakan golongan berpendapatan sederhana yang mempunyai julat pendapatan antara RM4,850 hingga RM9,619 sebulan atau  $[\text{RM}4,360 < Y < \text{RM } 9,619]$ . Manakala, kategori pendapatan T20 merupakan golongan yang berpendapatan tinggi yang mempunyai pendapatan melebihi daripada RM9,619 sebulan atau  $[Y > \text{RM}9619]$ .

### 1.7.2 Stres

Satu ransangan atau tindakbalas yang berlaku kepada diri seseorang individu atau pelajar yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap stres



pelajar dalam kategori pendapatan yang berbeza. (Kartika ,2015) mendefinisikani stres bergantung kepada individu atau sesuatu keadaan. Stres adalah suatu peristiwa atau pengalaman yang negatif sebagai sesuatu yang mengancam seseorang yang berasal dari situasi yang bersumber pada sistem biologis, psikologis dan sosial dariseseorang

### **1.7.3 Faktor Stres**

Dalam kajian ini, faktor stres merujuk kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengalami stres yang disebabkan oleh beberapa faktor-faktor dalam dua tempoh berbeza iaitu pembelajaran secara bersemuka (sebelum pandemik COVID-19) dan pembelajaran secara atas talian (semasa pandemik COVID-19).



#### **1.7.3.1 Faktor Kewangan**

Faktor kewangan dalam kajian ini merujuk kepada item pendapatan dan perbelanjaan pelajar. Hal ini mengukur keupayaan pelajar membiayai keperluan kehidupan mereka sebagai pelajar universiti. Menurut (Noraini et al., 2020) apabila golongan pelajar ini berhadapan dengan masalah ketidakcukupan kewangan, maka mereka mudah terdedah kepada masalah stres dalam menguruskan kehidupan seharian.

#### **1.7.3.2 Faktor Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran dan pembelajaran ini merujuk kepada kualiti pengajaran pensyarah yang kemudiannya dikaitkan dengan kebersanan pembelajaran dan prestasi akademik pelajar. Menurut (Rozita, Sohana & Marhaini., 2019) faktor pembelajaran merupakan salah satu punca yang menyebabkan stres bagi golongan remaja termasuklah pelajar. Selain itu mereka turut dibebankan dengan harapan ibu bapa dan guru untuk melihat kejayaan mereka.





### **1.7.3.3 Faktor Sosial**

Faktor sosial dalam kajian ini merujuk kepada tahap sokongan dan kerjasama ibu bapa, adik, beradik, kawan-kawan dan komuniti terhadap pembelajaran dan kegembiraan pelajar.

### **1.7.3.4 Faktor Kesihatan Fizikal**

Faktor kesihatan fizikal dalam kajian ini merujuk kepada tahap kesihatan tubuh badan contohnya tidak mengalami demam, selsema, batuk, atau lain-lain penyakit yang menyebabkan keupayaan optima individu gagal dicapai.



### **1.7.3.5 Faktor Prasarana dan Persekitaran**

Salah satu faktor yang mendorong pelajar itu stres ialah prasarana dan persekitaran. Dalam kajian ini, prasarana dan persekitaran merujuk kepada infrastruktur dan suasana penempatan di kampus sebelum pandemik COVID-19 atau di rumah semasa pandemik COVID-19. Ramachandiran & Dhanapal (2018), melalui kajiannya mendapati pelajar pengajian tinggi mengalami stres kerana mereka perlu melalui proses penyesuaian persekitaran pendidikan yang baru.

## **1.8 BATASAN**

Terdapat beberapa kekangan yang dikenalpasti sepanjang kajian ini dilakukan. Antara kekangan yang dikenalpasti adalah seperti di bawah:





### 1.8.1 Kaedah

Kaedah dan reka bentuk soalan kaji selidik yang digunakan ini mungkin terlalu ringkas dan ianya terlalu berpandukan kepada kajian lampau yang diperolehi daripada kajian–kajian penyelidik terdahulu. Hal ini menyebabkan soalan yang dikemukakan mungkin kurang relevan untuk masa kini dan perlu diperbaiki di masa akan datang.

### 1.8.2 Kefahaman dan Sikap Responden

Mungkin berlaku kesalahfahaman responden dalam menjawab soalan–soalan yang dikemukakan menyebabkan mereka menjawab kurang jujur dan malu untuk memberikan jawapan yang sebenar berkenaan diri mereka. Hal ini menyebabkan, maklumat yang diperolehi berkaitan dengan tahap stres pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya oleh responden berdasarkan kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Oleh itu, maklumat yang diperolehi berkemungkinan kurang tepat kerana kesalahfahaman atau ketidakjujuran responden.

### 1.8.3 Saiz Sampel

Seperti pengkaji-pengkaji lain, terdapat beberapa masalah dan batasan yang dihadapi semasa dalam usaha mengumpul maklumat yang diperlukan daripada responden–responden dalam kajian ini. Hal ini kerana, dalam kajian ini melibatkan pelajar IPTA di Malaysia serta dua tahap pengajian iaitu pelajar dari peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Hal ini agak sukar untuk dijalankan kerana memerlukan perkongsian yang meluas kerana bukan hanya tertumpu kepada satu lokasi sahaja. Selain itu, kerjasama dari pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga amatlah penting





agar maklum balas kajian yang diperolehi adalah luas bukan hanya beberapa IPTA sahaja.

#### **1.8.4 Kekangan Masa dan Isu Pandemik Semasa**

Pengumpulan hasil soal selidik daripada responden terpaksa diperolehi secara berperingkat dan mengambil masa yang lama iaitu melalui kaedah pengumpulan data secara atas talian dari borang soal selidik berbentuk *google form* kerana penyelidik terpaksa mengikut norma baru akibat berhadapan dengan pandemik COVID-19.



### **1.9 KEPENTINGAN KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini ialah mengenalpasti tahap stres dan faktor-faktor mempengaruhi stres mengikut kategori pendapatan keluarga dan dalam kalangan pelajar di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Daripada hasil kerja kajian diharap ia dapat menjadi panduan berguna kepada pihak-pihak tertentu.

#### **1.8.1 Individu**

Dapatan kajian ini diharapkan dapat menambahkan pengetahuan pengkaji tentang tentang konsep stres yang digunakan dalam kajian ini dengan melihat hasil dapatan kajian-kajian lampau yang telah dikaji. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu individu untuk memahami faktor stres dengan lebih mendalam kepada pengkaji khususnya dalam menjalankan penyelidikan.





### 1.8.2 Kerajaan atau Pihak yang Berkaitan

Dengan hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada pihak kerajaan atau pihak yang berkaitan tahap stres dan faktor pengrauh stres yang dihadapi oleh pelajar dari pelbagai jenis kategori pendapatan keluarga iaitu B40, M40, dan T20. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan juga boleh mengambil sebarang inisiatif yang bersesuaian untuk membantu para pelajar dari pelbagai kategori pendapatan. Oleh itu, diharap hasil kajian ini dapat meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan, Jabatan Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengadakan program dan aktiviti yang dapat mengatasi tahap stres pelajar dan mengambil langkah untuk mengurangkan faktor yang menyebabkan stres pelajar.



### 1.8.3 Penyelidik Lain

Di samping itu, kajian ini juga boleh digunakan sebagai bahan ilmiah untuk kajian yang akan datang bagi penyelidik yang berminat untuk mengkaji tentang hubungan kategori pendapatan keluarga pelajar terhadap tahap stres dan faktor pengaruh stres. Hal ini kerana, kajian mengenai stres mengikut kategori pendapatan adalah masih kurang dikaji di Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi tahap stres oleh pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia yang merangkumi dua tempoh berbeza iaitu sebelum pandemik COVID-19 dan semasa pandemik COVID-19. Dengan itu, para penyelidik yang ingin mengkaji tentang stres dan faktor atau membolehkan ubah yang berkaitan boleh menggunakannya sebagai rujukan dan panduan.





## 1.10 RUMUSAN

Dalam bab ini telah diterangkan mengenai perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Di bahagian objektif kajian, penyelidik telah menyatakan tujuan yang perlu dicapai di akhir kajian iaitu mengenalpasti tahap stres dan faktor yang mempengaruhi stres pelajar IPTA dalam dua tempoh iaitu sebelum pandemik COVID-19 dan semasa pandemik COVID-19. Terdapat beberapa batasan iaitu dari segi kaedah, ketidakpahaman responden, saiz sampel dan kekangan semasa pandemik COVID-19. Kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pihak kerajaan, pelajar dan juga penyelidik lain. Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan apakah fokus utama kajian ini serta apakah yang perlu dikaji dalam kajian ini dengan terperinci. Dengan ini, diharapkan diakhir kajian ini dapat menjawab segala objektif dan persoalan kajian yang telah dibina. Seterusnya, pada bab 2 akan menghuraikan kajian literatur yang meliputi kajian lampau tempatan dan luar negara serta teori dan konsep yang berkaitan dengan kajian ini.

